

# Usaha sedang dibuat pulihkan KUB -Mahathir

28 JUL 1991

KUALA LUMPUR 27 Julai — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini usaha sedang giat dijalankan bagi memulihkan semula Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB).

KUB kini telah disusun semula pentadbirannya dan tumpuan akan dibuat untuk memulihkannya, katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Katanya, mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang berlangsung turut membincangkan isu KUB.

"Sekarang, KUB telahpun disusun semula pentadbirannya. Bagaimanapun kita dapati kedudukan kewangannya tidak sihat di mana banyak harta telah dijual untuk membayar hutang," jelas beliau.

Oleh itu, beliau menegaskan, ahli-ahli KUB hendaklah memberi tumpuan sepenuhnya untuk memulihkan koperasi itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga berkata bahawa beliau adalah salah seorang daripada ahli KUB.

Mei lalu, Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Khalid Yunus telah mengumumkan bahawa anak syarikat KUB telah menanggung kerugian sebanyak \$5.6 juta menjadikan kerugian terkumpul sehingga akhir tahun lalu sebanyak \$93.88 juta.

Beliau menyifatkan KUB gagal mencapai matlamat penubuhannya sejak ia diwujudkan 13 tahun yang lalu.

Di samping itu, KUB juga telah melantik bekas anggota Dewan Negara, Encik Hassan Harun sebagai pengerusi baru pada mesyuarat agung koperasi itu.

Perlantikan tersebut menggantikan Dato' Harun Haji Idris yang gagal mempertahankan jawatannya dalam mesyuarat tersebut.

Bagaimanapun mesyuarat yang telah berlangsung itu bersejajarnya mengemukakan Dato' Haji Zainal Abidin Zin sebagai naib pengerusi sehingga mesyuarat akan datang.